



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (52)

Tarikh : 17 April 2017

## **SIARAN MEDIA**

### **Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN) Platform Permohonan dan Pemantauan Produk Perumahan KPKT**

Putrajaya, 17 April 2017 – YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar melancarkan Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN) di Majlis Perhimpunan Penjawat Awam KPKT bagi Bulan April 2017 yang telah dianjurkan oleh Jabatan Perumahan Negara pada pagi ini.

2. Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) melancarkan SPRN ini sebagai bagi semua perkhidmatan perumahan yang ditawarkan oleh KPKT.
3. SPRN merangkumi semua program atau skim termasuklah Program Perumahan Rakyat (PPR), Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome), Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit), Skim Pinjaman Perumahan (SPP) dan Rumah Transit 1Malaysia (RT1M).
4. Permohonan atas talian melalui SPRN ini dibuka secara rasmi mulai 2 Mei 2017. Antara program perumahan yang sedia untuk dimohon adalah Rumah Transit 1Malaysia Bukit Jalil dan 21 projek perumahan MyHome. Buat masa ini, tiga projek perumahan PPR sedang dalam pembinaan dan maklumat penawaran akan dimaklumkan di SPRN dari semasa ke semasa.

5. Kelebihan SPRN ialah:

- memberikan kemudahan kepada rakyat untuk membuat permohonan perumahan secara atas talian
- Pemilihan permohonan yang lebih telus menggunakan SPRN
- Sebagai satu platform hebahan maklumat projek perumahan KPKT yang terkini

6. Di pagi ini juga diadakan pameran perumahan oleh SPNB, Putrajaya Homes, RUMAWIP dan PPAIM.

7. Majlis Perhimpunan Penjawat Awam KPKT bagi Bulan April 2017 ini bertemakan “**Togetherness**”, tema perhimpunan kali ini diharapkan dapat merapatkan lagi hubungan silaturahim dan hubungan kerja diantara warga kerja dan Pengurusan Atasan KPKT.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555*

*Faks : 03-8891 5557*

*E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)*